

07 JAN 2004
Muhyiddin-Najib
SAYA SOKONG NAJIB, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau memberi sokongan penuh kepada Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Muhyiddin berkata beliau yakin pilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu mampu membantu Perdana Menteri melaksanakan pentadbiran negara dengan lebih baik.

"Saya harap semua pihak memberi sokongan penuh dengan pelantikan Datuk Seri Najib. Dengan pilihan ini juga saya harap Perdana Menteri dapat menerajui negara supaya lebih maju," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna di sini, hari ini.

Mesyuarat berkenaan juga adalah yang terakhir bagi Muhyiddin sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna berikutan pertukaran beliau ke Kementerian Pertanian menggantikan Datuk Seri Dr Mohd Effendi Norwawi yang dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

Tempat Muhyiddin akan digantikan oleh Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Abdullah selain menamakan Najib sebagai timbalannya hari ini juga mengumumkan rombakan kecil dalam Kabinet dengan pertukaran beberapa Menteri.

Jawatan Timbalan Perdana Menteri kosong untuk lebih dua bulan selepas Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

Ketika ditanya mengenai perasaan beliau mengenai pelantikan Najib, Muhyiddin menegaskan beliau akur dengan percaturan politik semasa.

"Sebagai orang Islam saya percaya dengan takdir. Itu juga hak Perdana Menteri untuk melantik sesiapa pun (sebagai timbalannya). Lagipun, dalam

politik kita kena ada kekuatan mental yang utuh, supaya jangan terlalu mengharap dan apabila tak dapat kita akan rasa kecewa. Saya tak lihat saya rasa kecewa, saya boleh senyum dan saya masih boleh bergelak ketawa. Bagi saya, saya rasional," katanya.

Selain Najib, Muhyiddin sebelum ini turut disebut-sebut sebagai bakal mengisi jawatan itu di samping seorang lagi Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Mohamad Taib.

Muhyiddin juga turut menyeru anggota parti agar memberi sokongan kepada kepimpinan Abdullah dan Najib bagi memastikan tugas mentadbir negara dapat dijalankan dengan lebih berkesan terutamanya menjelang pilihan raya umum akan datang.

Menyentuh mengenai pelantikan beliau sebagai Menteri Pertanian, Muhyiddin berkata beliau menghargai peluang yang diberikan Abdullah dalam menerajui Kementerian yang dianggap penting dalam menyokong usaha pembangunan negara.

"Saya anggap pelantikan ini sebagai amanah yang akan saya laksanakan dengan bersungguh-sungguh. Beliau (Abdullah) meminta saya memberi tumpuan untuk memodenkan lagi sektor itu, menjadikan industri berasaskan sektor pertanian lebih kukuh, pertumbuhan industri kecil dan sederhana,... dan saya beri jaminan kepada beliau untuk memikul tanggungjawab ini sebaik mungkin sebagaimana aspirasi dan harapan beliau," katanya.

Muhyiddin memegang jawatan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna selama lebih empat tahun bermula 15 Dis 1999.

-- BERNAMA
SHI NM PR